

Pindaan Perlembagaan: Kerajaan dengar pandangan rakyat



**KAMARUL
ZAMAN YUSOFF**

DALAM usaha mereka untuk mendapatkan sokongan bagi menentang Rang Undang-Undang (RUU) Pindaan Perlembagaan Mengenai Hak Kewarganegaraan yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 25 Mac ini, pelbagai hujah digunakan oleh beberapa pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ada kumpulan-kumpulan NGO tersebut menyatakan bahwa dalam tempoh sembilan bulan yang lalu mereka telah berulang kali cuba untuk membincangkan keseimbangan mereka mengenai implikasi daripada RUU ini secara terus dengan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) tetapi mereka didakwa tidak diberi peluang untuk berbincang secara bermakna.

Bagaimanapun, dakwaan ini ternyata tidak benar kerana banyak ruang telah diberikan kepada kumpulan-kumpulan NGO tersebut untuk menyatakan pandangan mereka kepada menteri dan KDN. Pada April 2023, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) dan NGO Family Frontiers telah menyertai sesi libat urus ini.

Pada Mei 2023 pula, lapar sesi libat urus dengan NGO diadakan, termasuk dengan Development of Human Resources For Rural Areas (DHRA) Malaysia yang diketuai oleh Maalimi Ramalo.

Pada 23 Jun 2023 pula, satu sesi libat urus telah berlangsung dengan melibatkan 42 orang dari pelbagai NGO, termasuk Suhakam, DHRRA, Family & Child Rights Lawyers, Stateless Malaysia's Citizenship Movement (SMCM), Association Of Women Lawyers, CSO Platform For Reform, Yayasan Chow Kit, Voice Of The Children, Family Frontiers, Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (Centhra), Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (Pembela), Muslim Care Malaysia, Pertubuhan Ikrar Malaysia



PINDAAN Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Mengenai Hak Kewarganegaraan sepatutnya tidak dipertikaikan kerana ia telah mengambil kira segala aspek demi kebajikan semua. - GAMBAR HIASAN

“**Sesungguhnya ini adalah bukti bahwa setelah selesai menjalani sesi libat urus yang panjang dengan mendengar dan mengambil semua input sejak setahun yang lalu kerajaan akhirnya mendengar suara rakyat.**”

dan Persatuan Untuk Anak Kita (Puakpayong).

KUASA MENTERI

Ada beberapa pemimpin NGO pula mendakwa bila RUU ini diluluskan, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan tidak lagi boleh merayu kepada mahkamah untuk membuat kajian semula dan melindungi mereka walaupun jika KDN bertindak secara tidak adil atau tidak munasabah. Pemberian budi bicara yang berlebihan juga didakwa boleh dimanipulasi untuk keuntungan peribadi serta mengundang kepada rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Terdapat dua pindaan
membabitkan peralihan.

peruntukan mengenai proses pemberian kewarganegaraan dari kategori Kuat Kuasa Undang-Undang (KKU) ke kategori pendaftaran.

Pertama ialah peruntukan dalam Seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan membolehkan kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat (bayi terdampar) dan kedua ialah peruntukan dalam Perkara 14(1)(b) Seksyen 1(e), Bahagian II Jadual Kedua membolehkan tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan pada masa dia lahir tidak berhak menjadi warganegara mana-mana negara menurut perundangan negara kewarganegaraan ibu atau bapanya.

Terdapat satu lagi pindaan membabitkan peralihan peruntukan mengenai proses pemberian kewarganegaraan dari kategori KKKU ke kategori pendaftaran atau naturalisasi.

Pindaan ini membabitkan peruntukan dalam Perlembagaan (Perlembagaan) Seksyen 1(a) Bahagian II Jadual Kedua yang menjadikan anak-anak Pemastautin Tetap tidak lagi termasuk di dalam kategori KKKU seperti anak-anak yang salah seorang ibu atau bapa kandungannya adalah warganegara Malaysia pada masa kelahiran individu tersebut, tetapi anak-anak Pemastautin Tetap ini boleh membuat permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran ataupun naturalisasi.

BUDI BICARA MENTERI

Walaupun Seksyen 2 Bahagian III Jadual Kedua memperuntukkan bahawa keputusan kerajaan di bawah Bahagian III ini tidak boleh dirayu atau dikaji semula oleh mahkamah, tetapi pemohon sebenarnya masih boleh membuat semakan kehakiman di mahkamah.

Dalam kes *Indira Gandhi A.P. Mutho Iwn Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and Other Appeals* (2018) 1 *MLJ* 545, Presiden Mahkamah Rayuan menyatakan, prinsip kebebasan kehakiman dan pengasingan kuasa antara badan-badan legislatif, kehakiman dan eksekutif merupakan struktur asasi di dalam perlembagaan. Maka, Mahkamah Sivil diberikan kuasa untuk menyemak dan menafsir undang-undang dan perkara ini tidak boleh dimansuhkan oleh mana-mana undang-undang sekalipun oleh perlembagaan.

Dalam satu kes lebih mutakhir, Mahkamah Persekutuan mengisytiharkan pada 14 April 2022 bahawa Seksyen 15B Akta Pencegahan Jenayah (POCA) yang mengecualikan kuasa hakim daripada meneliti alasan penahanan seseorang tahanan (*ouster clause*) adalah tidak sah.

Tegasnya, keseimbangan
bahawa pemberian kuasa budi
bicara kepada menteri ini akan
mengundang kepada rasuah
dan penyalahgunaan kuasa
serta menghalang pemohon

daripada merayu kepada mahkamah untuk membuat kajian semula dan melindungi mereka. KDN bertindak secara tidak adil atau tidak munasabah adalah tidak berassas sama sekali. Ia sebaliknya adalah perlu untuk melicinkan urusan selain menjamin kedaulatan negara.

**KEKAL KKU BAYI
TERDAMPAR, KANAK-
KANAK TIDAK
BERKEWARGANEGARAAN**

Bagaimanapun, setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, untuk sesi praKabinet di Istana Negara kelmarin dan setelah mesyuarat Kabinet semalam diberikan penjelasan mengenai hasil sesi praKabinet ini, maka telah memutuskan untuk tidak memindahkan Seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua dan Perakara 14(1)(b) Seksyen 1(e), Bahagian II Jadual Kedua dari kategori KKKU ke kategori pendafataran.

Sesungguhnya ini adalah bukti bahawa setelah selesai menjalani sesi libat urus yang panjang dengan mendengar dan mengambil semua input sejak setahun yang lalu kerajaan akhirnya mendengar suara rakyat.

Bagaimanapun, lebih penting lagi, kerajaan bertegas untuk mengalihkan peruntukan mengenai proses pemberian kewarganegaraan dari kategori KKK ke kategori pendaftaran atau naturalisasi bagi anak-anak Pemastautin Tetap kerana meletakkan dalam kategori KKK dapat menimbulkan pelbagai isu dan implikasi lantaran kebanyakan merupakan warganegara asing.

Ini termasuk kesan ke atas ekonomi negara secara makro, aspek perkongsian ekonomi, ketiadaan semangat jati diri sebagai rakyat Malaysia, menggalakkan pemilikan dwikerakyatan dan ancaman kepada keselamatan negara.

Dengan keputusan mutakhir ini maka tidak ada lagi alasan untuk mana-mana pihak tidak memberi sokongan kepada RUU ini.

Sekalung tahniah kita ucapkan kepada menteri dan KDN kerana mengendalikan dan mendengar sesi libat urus yang panjang ini.

DR. Kamarul Zaman Yusoff adalah Ketua Unit Penyelidikan Institut Analisis Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM).